

26/06/2003

SPNB akan bina 10,033 unit rumah mampu milik

reports on "Dewan Rakyat" by Salina Abdullah; Hassan Omar
KUALA LUMPUR: Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) akan membina 10,033 unit rumah mampu milik dalam tempoh dua tahun akan datang, sebagai tambahan kepada 960 rumah yang sudah siap dibina.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Salleh berkata, permintaan paling banyak diterima Kerajaan bagi pembinaan rumah bernilai kurang RM100,000 itu adalah di Lembah Klang, Johor dan Pulau Pinang.

Beliau berkata, pembinaan rumah mampu milik bukan setakat mengurangkan masalah setinggan, malah membantu rakyat berpendapatan rendah memiliki rumah.

Selain itu, katanya, SPNB yang mula beroperasi pada 1998, turut membina 6,403 unit kuarters tentera bernilai RM1.34 bilion di enam lokasi di Lembah Klang.

Lokasi berkenaan ialah di Kem Kementah, Kem Sungai Besi, Kem Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang, Kem Wardieburn, Kem Pasifik Ampang dan Jalan U-Thant.

"Kuarters berkenaan dibina sejak 23 Januari 2003 dan dijangka siap Januari 2006," katanya pada sidang media di lobi Parlimen, di sini semalam.

Beliau berkata, SPNB juga berjaya memulihkan 16 projek perumahan terbengkalai membabitkan 3,342 unit rumah dan sekarang melaksanakan 24 projek perumahan terbengkalai.

SPNB juga, katanya, menyiapkan lima unit rumah mengikut program rumah mesra rakyat dan dalam peringkat menyiapkan 217 unit lagi menjelang Ogos ini.

Bagi projek khas, katanya, SPNB menyiapkan projek penempatan semula setinggan di landasan berkembar Rawang-Ipoh, membabitkan 266 unit rumah yang sudah disiapkan bulan lalu.

Selain itu, SPNB juga melaksanakan projek penempatan semula setinggan membabitkan 433 unit kediaman berbentuk rumah panjang di di Teluk Sepanggar ke Kampung Numbak, Sabah.

"SPNB juga sedang melaksanakan projek penempatan semula setinggan tempatan membabitkan 504 unit rumah di Kampung Ponda, Pulau Gaya ke Telipok, Sabah dan dijangka siap Julai 2003," katanya.

Berdasarkan Pakej Strategi Baru yang diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan lalu, SPNB akan membina 150,000 unit rumah kos rendah dalam tempoh lima tahun.